

## PENGHAYATAN AGAMA, SIKAP DAN TINGKAHLAKU AGRESIF SEWAKTU MEMANDU

(*Spirituality, Attitude and Aggressive Driving*)

Nor Alya Atifah Bt. Mohd. Yunus & Rozmi Ismail

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek penghayatan agama dan sikap dalam mempengaruhi pemanduan agresif pemandu di Malaysia. Kajian ini dijalankan menggunakan tinjauan soal selidik yang mengukur aspek pemanduan agresif, konteks agama dalam pemanduan dan aspek tingkahlaku pemandu di Malaysia. Seramai 282 responden telah dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan yang terdiri daripada pemandu kereta dan penunggang motosikal dari pelbagai peringkat umur dan agama. Hasil analisis kajian menggunakan ujian korelasi dan khipu kuasa dua mendapat bahawa kadar kemalangan dan bilangan saman yang diperoleh tidak berkait dengan pengamalan ajaran agama. Faktor jantina serta umur juga didapati tidak berkorelasi dengan penghayatan agama dan tingkahlaku agresif sewaktu memandu. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini jelas menerangkan bahawa aspek penghayatan agama tidak sama sekali mempengaruhi pemanduan agresif serta sikap individu sewaktu memandu. Impikasi kajian ialah dapat mengesahkan bahawa faktor agama bukan faktor utama kepada pembentukan sikap yang menyumbang kepada kemalangan jalanraya sebagaimana difahami oleh sesetengah pihak, sebaliknya ia hubungan dengan budaya dan cara hidup sesebuah masyarakat.

**Kata Kunci:** Penghayatan Agama, Pemanduan Agresif, Sikap, Tingkah Laku Pemandu, Kemalangan Jalan Raya

### ABSTRACT

This study examined whether religiosity has an impact on drivers' attitude and aggressive behavior among drivers in Malaysia. This study used survey method to measure aggressive driving, religiosity aspect in driving and attitudes of Malaysian drivers. A total of 282 respondents were volunteered to participate in this study through purposive sampling method which comprises individuals from all age and different religious background. The result showed that the religion aspect did not correlate with the accident rate and the number of summon received. It was also proven that gender and age factor were also unrelated to religiosity aspect in the context of driving. Hence, the findings of this study implied that the religiosity aspect has no relationship with attitude towards safe driving. It is suggested that the culture and people's way of life might be the factor that can explain why such bad attitude and behavior whilst driving easily observed in many Asian roads.

**Keywords:** spirituality, aggressive driving, attitude, driver behaviour, road accidents

### PENGENALAN

Berdasarkan kepada laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tahun 2013 di anggarkan hampir 1.24 juta manusia mati setiap tahun yang disebabkan oleh kemalangan jalan raya dalam

konteks global. Malah, angka tersebut dijangka akan meningkat sebanyak 1.9 juta setiap tahun sehingga menjelang tahun 2020 yang melibatkan kematian akibat dari kemalangan jalan raya. Dalam konteks negara Malaysia, angka kematian di jalan raya terus meningkat. Kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia ke atas 193 negara pada tahun 2014 mendapati bahawa Malaysia antara 25 negara yang paling berbahaya bagi pengguna jalan raya dan mencatatkan kedudukan 17 teratas dalam kadar kemalangan jalan raya di dunia di mana kematian 30 orang adalah setiap 100,000 penduduknya.

Ada kalangan pengkaji cuba membuat perbandingan statistik bahawa kadar kemalangan di negara-negara bukan Islam adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara Islam. Mengapa kadar kemalangan yang direkodkan tinggi bagi negara-negara Islam? Bukankah ajaran yang diajarkan oleh agama yang dianuti individu seharusnya menjadi panduan bagi segenap aspek kehidupan manusia termasuk juga cara pemanduan? Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh World Health Rankings pada tahun 2014 berkenaan kemalangan jalan raya mendapati negara Islam seperti Iran mencatatkan kedudukan paling teratas sekali dengan kadar 43.54 kematian setiap 100,000 penduduk. Tempat kedua teratas ialah Iraq yang mencatatkan kadar 41.41 kematian diikuti Yemen dengan dan Arab Saudi mencatatkan kadar kematian seramai 25.33 bagi setiap 100,000 penduduk.

Perbandingan telah dibuat ke atas kadar kemalangan di negara-negara Islam dan negara-negara bukan Islam dan perbezaan adalah cukup ketara. Misalnya kadar kemalangan di negara Iran dianggarkan dua puluh kali ganda lebih daripada purata kebanyakan Negara lain di dunia. Malaysia mencatatkan kedudukan 34 dalam kadar kemalangan dunia dengan kadar 25.25 bagi setiap 100,000 penduduk diikuti Saudi Arabia dengan kedudukan 33, Pakistan kedudukan yang ke 67 dan yang terakhir ialah 95 dengan kadar kemalangan 14.92 bagi setiap 100,000 penduduk. Manakala kadar kemalangan di negara bukan Islam seperti Sweden mencatatkan kedudukan yang paling rendah iaitu 171 dengan kadar 2.36 bagi setiap 100,000 penduduk diikuti dengan United Kingdom dengan kedudukan 169 dan Spain dengan kedudukan 164. Seterusnya, Ireland dan Germany masing-masing mencatatkan kedudukan yang rendah juga iaitu 161 dan 160 dengan kadar 3.91 dan 3.94. Manakala bagi negara lain pula seperti Denmark di kedudukan 159, France kedudukan 153 dalam dunia dan yang terakhir ialah Italy dengan kedudukan 149 dengan kadar 6.03 bagi setiap 100,000 penduduk.

Persoalan ialah mengapa kadar kemalangan Negara Eropah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara Islam? Mengapa negara yang tidak mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya lebih rendah kadar kemalangan yang berlaku berbanding dengan negara Islam itu sendiri? Adakah faktor lain seperti budaya dan cara hidup yang mempengaruhi sikap, misalnya rakyat Jepun akan memandu dengan berhemah dan mengambil kira faktor pemandu lain, memberikan ruang kepada mereka dan sama-sama memastikan pemandu lain akan sampai ke destinasi yang ingin dituju tepat pada masanya. Kemungkinan lain ialah faktor geografi dan cuaca, iaitu di negara-negara Islam kebanyakannya sering mengalami cuaca yang lebih panas berbanding dengan negara-negara bukan Islam. Maka, dapat dilihat bahawa kedua-dua faktor ini sedikit sebanyak boleh menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh pemanduan agresif sewaktu memandu.

Walaupun terdapat banyak laporan, statistik dan kajian yang telah dikeluarkan menunjukkan peningkatan kadar kemalangan jalan raya yang berlaku disebabkan oleh pemanduan agresif dan berisiko individu semasa memandu di jalan, bagaimana perkaitan penghayatan agama seseorang mampu untuk agresif mereka? Adakah benar amalan dan ajaran yang dipelajari individu boleh mempengaruhi gaya pemanduan individu di atas jalan raya? Dan adakah mereka yang lebih beragama dan mempraktikkan ajaran yang dipelajari di dalam agama

kurang terlibat dengan kemalangan jalan raya dan trafik?

Dalam Islam penganutnya percaya bahawa “Sabar itu separuh daripada iman.” (Riwayat al-Baihaqi) agama Islam menuntut umatnya untuk sentiasa sabar dalam segala aspek kehidupan. Sabar dari konteks bahasa adalah menahan atau mengekang diri daripada rasa keluh kesah dan sedih dalam menghadapi sesuatu yang tidak disukai. Potongan ayat ini jelas menerangkan bahawa ajaran yang disampaikan di dalam amalan yang telah diajarkan kepada mereka dalam konteks pemanduan supaya ajaran Islam itu benar-benar menjadi panduan hidup yang meliputi keseluruhan aspek kehidupan dan tidak hanya tertakluk kepada sebahagian sahaja. Begitu juga dengan konsep tawakkal yang boleh dikaitkan dengan konsep pemanduan terutamanya juga bagi mereka yang beragama Islam. Petikan ayat yang menerangkan tentang konsep tawakkal ;

*“Bismillahi tawakkaltu alal-lahi wa la hawla wa la quwwata illa billah”*

Setiap umat Islam diajarkan untuk sentiasa bertawakkal kepada Allah s.w.t bagi setiap apa keadaan sekalipun. Pengertian ‘Tawakkal’ bermaksud menyerahkan, mempercayakan atau mewakilkan. Potongan ayat di atas jelas menerangkan bahawa adalah amat penting bagi umat Islam untuk meletakkan kepercayaan kepada Allah dan bergantung pada-Nya, Tawakkaltu Al-Allah. Di dalam kehidupan sehari-hari manusia, Islam banyak mengajarkan kepada umatnya untuk berserah dan meletakkan seluruh kepercayaan kepada Allah tidak kira bagi setiap apa yang mereka lakukan. Segala ajaran yang disampaikan bagi umat Islam kebanyakannya telah meliputi segala tatacara kehidupan dan boleh diguna pakai untuk aspek kehidupan lain termasuk juga dalam konteks pemanduan. Kebanyakan dari mereka sering mempersepsikan bahawa konsep Tawakkal ini banyak dilihat dari aspek pekerjaan dan kejayaan tetapi di dalam pemanduan juga amat penting untuk melihat kepada konsep Tawakkal ini kerana peletakan dan kepercayaan yang telah diletakkan kepada Allah bagi mengelakkan sesuatu terjadi semasa di jalan raya. Cara pemanduan yang ditunjukkan oleh pemandu di negara Islam boleh mengancam keselamatan orang lain dan pelaksanaan undang-undang yang kurang berkesan sehingga menimbulkan persoalan adakah benar penghayatan agama yang diterima hanya sekadar suatu panduan yang tidak diperaktikkan di dalam kehidupan sehari-hari?

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat tingkah laku agresif dan berisiko pemandu yang di jalan raya atau adakah mereka yang mengamalkan apa yang dipelajari di dalam agama kurang terlibat dengan kemalangan jalan raya. Juga, pengkaji berminat untuk melihat apakah faktor yang boleh mendorong rakyat Malaysia untuk memandu dengan agresif? Dan yang terakhir ialah adakah wujud sebarang pengaruh dari penghayatan agama individu untuk mengurangkan atau menyebabkan individu memandu dengan agresif berisiko? Ataupun adakah penghayatan agama dapat menjadi peramal kepada pemanduan agresif individu di jalan raya?

Kajian kaljian lepas tentang perkara ini amat kurang dan terhad misalnya Nabipour et al (2015) mengkaji tentang perhubungan di antara dimensi keagamaan dan tingkah laku remaja sebagai pejalan kaki, penunggang basikal dan aktiviti selain memandu. Kajian ini dijalankan ke atas 1200 orang pelajar mendapati bahawa remaja terutamanya lelaki yang kurang menyertai aktiviti keagamaan biasanya mempunyai rakan-rakan atau kenalan rapat yang pernah maut di dalam kemalangan jalan raya. Manakala remaja yang dikatakan terlibat di dalam aktiviti keagamaan intrinsik akan lebih cenderung untuk menjadi individu yang lebih berhemah dan kurang mengamalkan tingkah laku yang tidak selamat di jalan raya. Hasil kajian menerangkan bahawa perbezaan dimensi yang wujud dari aspek keagamaan sangat berkait rapat dengan

tingkah laku remaja di atas jalan raya. Kajian oleh Ali & Sheerazb (2013) berkaitan sifat kemalangan dan hubungannya dengan jenis pemandu serta perbezaan masa tertentu dalam sehari. Kajian ini mengguakan data kemalangan yang dirujuk ke unit kecemasan dan mendapati kadar keketerukan kecederaan berkaitan dengan umur pemandu yang agak berumur dan tua serta keadaan masa (seperti cuaca cerah dan penglihatan kabur). Semakin tinggi tahap kecerahan semakin kurang tahap kecederaan yang dilaporkan.

Manakala kajian oleh Suliman dan Awad (2003) bertujuan mengenal pasti tingkah laku pemanduan agresif di Jordan yang melibatkan seramai 200 sampel kajian. Hasil kajian mendapati bahawa antara faktor utama yang membawa kepada pemanduan agresif dan boleh menimbulkan kemarahan jalan di jalan raya Jordan ialah reka bentuk kejuruteraan yang dibina tidak betul, tanda trafik yang tidak mencukupi, kekurangan dari segi pengawalan terhadap trafik dan kesesakan lalu lintas yang teruk.

Di Malaysia kajian oleh Abdul Latif et al., (2017) mendapati selain faktor manusia faktor utama punca kemalangan ialah kerana keadaan papantanda dan sistem maklumat peringatan dijalanraya yang sangat lemah, kabur, tidak jelas, tidak dapat difahami dan tidak mempunyai spesifikasi yang standard sehingga ianya tidak dapat membantu pengguna jalanraya dan boleh menyebabkan kekeliruan serta kemalangan. Jika dilihat kajian lepas terutamanya dalam konteks Malaysia, kajian dari aspek penghayatan agama masih lagi tidak diberikan pendedahan kerana kebiasaan kajian lebih tertumpu kepada sebab lain. Melihat kepada populasi rakyat Malaysia yang kebanyakannya adalah Muslim dan mengamalkan Islam serta diterapkan di dalam kehidupan mereka. Malah kebanyakkan percaya bahawa Islam adalah satu cara hidup yang meliputi segala aspek yang dipelajari dan diajarkan kepada mereka. Maka, amalan yang diterima seharusnya boleh diaplikasikan dan diguna pakai dalam pelbagai konteks kehidupan manusia khususnya yang beragama Islam termasuklah juga dalam konteks cara pemanduan mereka di jalan raya. Oleh sebab itu, pengkaji berminat untuk mengkaji dan juga melihat sejauh mana penghayatan agama yang diterima oleh individu mampu untuk membimbing dan mempengaruhi pelbagai aspek cara kehidupan mereka termasuk juga kesannya ke atas cara pemanduan di jalan raya.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji adalah survei dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden.

### **Responden Kajian**

Responden kajian dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Pengkaji akan mengambil kira unsur yang hendak dimasukkan dalam sampel berasaskan pertimbangan pengkaji. Mereka yang dipilih mungkin mempunyai ciri-ciri tertentu atau yang boleh memberi maklumat yang diperlukan di dalam kajian. Populasi adalah dalam kalangan rakyat Malaysia yang mempunyai lesen memandu kereta dan motor di antara 6 bulan dan ke atas serta mencari mereka yang bukan Islam dan beragama Islam. Responden yang dipilih mestilah memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Seramai 15 responden dipilih bagi kajian rintis (pilot test) dan 282 responden bagi kajian sebenar terdiri daripada mereka yang memandu kereta dan menunggang motosikal dari pelbagai golongan dipilih sebagai responden kajian ini.

### **Alat Kajian**

Satu set borang soal selidik akan digunakan di dalam kajian ini. Borang soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian A (Soal selidik latar belakang responden dan keagresifan pemanduan di jalan raya), Bahagian B (Indeks Pemanduan Dalam Bahaya atau Risiko) iaitu soal selidik yang diterjemah dari Dula Dangerous Driving Index (DDDI) yang mengandungi tiga konstrak iaitu pemandu agresif, pemandu emosional dan pemandu berisiko. Ia mengandungi lima skala item iaitu; 1(Hampir tidak pernah) hingga 5 (Hampir selalu). Bahagian E (Konteks Agama dalam Pemanduan) dan Bahagian F (Tingkah laku Pemandu Malaysia). Dalam kajian ini, alat ujian Dula dan Ballard yang digunakan iaitu Dula Dangerous Driving Index (DDDI) menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.93. Bagi alat ujian Konteks Agama dalam Pemanduan nilai kebolehpercayaan ialah 0.68. Manakala bagi alat ujian Tingkah laku Pemandu Malaysia kebolehpercayaan yang tinggi di mana nilai kebolehpercayaan adalah 0.97. Bagi alat ujian Konteks Agama dalam Pemanduan pula menunjukkan nilai Alpha Cronbach  $\alpha = 0.70$ .

### **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Sejumlah 282 orang terlibat dalam kajian ini secara sukarela. Mereka terdiri daripada 268 bangsa Melayu, 6 orang berbangsa Cina, 1 orang India dan 7 orang Lain-lain. Oleh itu, peratusan bangsa bagi responden kajian ini adalah 95% berbangsa Melayu, 2.5% Lain-lain, 2.1% berbangsa Cina dan 0.4% berbangsa India. Sebanyak 275 responden kajian ini adalah beragama Islam yang mewakili majoriti responden kajian dengan peratusan sebanyak 97.5%. Manakala, sebanyak 7 responden mewakili kategori lain-lain agama dengan peratusan sebanyak 2.5%. Seramai 53 responden dengan peratusan sebanyak 18.8% yang mempunyai pengalaman kurang daripada 1 tahun dalam pemanduan. Manakala 229 responden yang mewakili majoriti responden kajian dengan peratusan sebanyak 81.2% mempunyai pengalaman melebihi 1 tahun pemanduan.

Bagi soalan item E4 iaitu “secara spesifik adakah anda mempraktikkan perkara berikut sewaktu memandu di jalan raya?”. Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa seramai 222 responden memberi respons bersabar (79%) Manakala seramai 147 dan 119 memberi respons kepada jawapan mengingati mati dan berzikir dengan masing-masing peratusan 52.13% dan 42.20%. Bagi jawapan lain-lain hanya terdapat dua orang responden sahaja di mana jawapan yang diberikan ialah mengharapkan selamat di tengah jalan dan membaca al-quran. Oleh itu, berdasarkan kepada respons jawapan yang diberikan oleh responden, bersabar adalah yang paling banyak dilakukan oleh mereka sewaktu memandu di jalan raya diikuti dengan berdoa dan seterusnya mengingati mati. Manakala bagi item E5 iaitu “tandakan jika anda pernah melakukan perkara berikut sebelum, semasa dan selepas memandu di jalan raya”. Analisis deskriptif telah dilakukan secara manual di mana hasil menunjukkan seramai 215 memberi respons membaca doa adalah perkara yang mereka lakukan sebelum, semasa dan selepas memandu dengan peratusan 76.24%. Seramai 228 dan 192 responden memberi respons membaca bismillah serta bersabar dengan peratusan 80.85% dan 68.09%.

Tambahan pula, mengingati mati, bersyukur juga antara respons yang diberikan oleh responden seramai 110 dan 113 orang dengan peratusan 39% dan 40.07. Seramai 113 responden memberi respons kepada jawapan berzikir adalah juga antara perkara yang dilakukan sebelum, semasa dan selepas memandu di jalan raya. Yang terakhir ialah seramai 158 responden memberi respons mereka juga bertawakal iaitu sebelum, semasa dan selepas

memandu dengan peratusan 56.03%. Maka, dapat disimpulkan bahawa membaca bismillah adalah perkara yang sering dilakukan oleh responden sebelum, semasa dan selepas memandu diikuti dengan membaca doa, bersabar, bertawakal, mengingati mati, berzikir dan bersyukur.

Keputusan kajian inferensi pula menunjukkan beberapa hipotesis gagal dibuktikan misalnya agama yang dianuti oleh responden tidak mempengaruhi kadar kemalangan yang terlibat dan juga ia tidak mempengaruhi bilangan saman yang pernah diperoleh oleh responden. ( $r = -0.035$ ,  $k > 0.01$ ) dan ( $r = 0.047$ ,  $k > 0.01$ ). Juga tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara penghayatan agama dengan kadar kemalangan dan juga pemanduan agresif individu sewaktu di jalan raya dengan nilai ( $r = -0.035$ ,  $k < 0.01$ ) dan ( $r = 0.037$ ,  $k < 0.01$ ). Hasil bagi hipotesis ini dapat dirumuskan bahawa penghayatan agama juga tidak menyebabkan individu menjadi seorang pemandu yang bersikap agresif sehingga boleh menyebabkan kemalangan berlaku. Juga, ia tidak menyebabkan ukuran dari aspek penghayatan agama akan menyebabkan individu terdorong untuk mempraktikkan pemanduan agresif sewaktu di jalan raya.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Secara umumnya kajian ini mendapati aspek penghayatan agama tidak mempengaruhi pemanduan agresif individu di Malaysia. Tahap pengamalan aspek penghayatan agama dalam diri individu juga tidak mempengaruhi pengurangan kadar kemalangan yang terlibat serta bilangan saman yang diperoleh. Ini jelas menerangkan bahawa aspek dimensi keagamaan yang dikaji tidak cukup untuk memberi kesan dalam mengurangkan kadar kemalangan yang berlaku. Ia mungkin disebabkan oleh faktor bahawa setiap individu menilai dan mempraktikkan pengamalan aspek keagamaan secara berbeza-beza. Maka, tahap ajaran yang diterima itu bergantung atas diri individu itu sendiri untuk mempraktikkan atau pun tidak di dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk juga dari segi pemanduan.

Kebanyakan kadar kemalangan yang berlaku di negara-negara Islam boleh dipengaruhi oleh faktor manusia dan demografi. Faktor manusia itu dapat dikaitkan dalam konteks penghayatan agama di mana masih lagi ramai dari mereka yang kurang mempraktikkan ajaran yang diajarkan dalam Islam begitu juga di dalam pemanduan. Dari sini jelas menunjukkan bahawa sekiranya individu mengambil pendekatan untuk lebih mempraktikkan nilai-nilai ajaran agama itu dengan lebih mendalam, isu pemanduan agresif berkemungkinan boleh diatasi. Selain faktor manusia, faktor demografi juga turut memainkan peranan seperti cuaca persekitaran dan keadaan muka bumi. Kebanyakan negara-negara Islam berdepan dengan cuaca persekitaran yang panas, kering, berbukit bukau serta struktur jalan raya yang tidak stabil. Faktor cuaca sangat mempengaruhi corak pemanduan individu. Ini kerana cuaca yang panas ditambah dengan faktor kesesakan lalu lintas sangat memberi tekanan kepada pemandu untuk bertingkah laku dan memandu dengan lebih agresif. Ditambah dengan masalah keadaan jalan raya yang kurang baik akan lebih mempengaruhi pemanduan individu. Jika dibandingkan dengan negara-negara bukan Islam, kadar kemalangan adalah rendah disebabkan oleh salah faktor cuaca yang tidak terlalu panas jika dibandingkan dengan negara-negara Islam. Maka, tidak hairan juga sekiranya kadar kemalangan di negara Islam adalah lebih tinggi. Perbandingan antara negara dan budaya ini sememangnya tidak tepat tanpa mengambil kira elemen budaya setempat dan cara hidup.

Ringkasnya kajian ini telah menemui bahawa walaupun pemandu yang mengamalkan aspek penghayatan agama tidak berkait dengan sikap terhadap pemanduan agresif sewaktu memandu di jalan raya. Ini mungkin individu tahu dan menerima nilai-nilai yang diterapkan di dalam agama Islam tetapi tidak melaksanakan dengan betul meliputi segala aspek kehidupan.

Dari satu sisi pemanduan berkemungkinan kebanyakan dari mereka menganggap tidak penting mempraktikkan ajaran tersebut semasa memandu walhal adalah amat penting untuk saling bertolak ansur di antara satu sama lain bagi membantu untuk mengurangkan kadar kemalangan seterusnya tidak menjadi punca kepada individu untuk memandu dengan agresif.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diucapkan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM dan kesmua susbjek yang terlibat sebagai responden kajian ini.

## RUJUKAN

- Ali, S. & Sheerazb, K. 2013. Time Dynamic Characteristics for Road Crashes in Developing Countries. Fourth International Symposium on Infrastructure Engineering in Developing Countries, IEDC 2013. Procedia Engineering 77 ( 2014 ) 79 – 86 .
- Baron, R.A. 1977. Human Aggression. New York: Plenum Press.
- Chliaoutakis, J. E., Darviri , C., & Dermakakos, P. T. 1999. The impact of young drivers" lifestyle on their road traffic accident risk in greater Athens area. Accident Analysis & Prevention, 31(6), 771-780.
- Dollard, J. Doob, L. Miller N. Mowrev, O. & Sears, R. 1939. Frustration and Aggresion. Yale University Press. New Heiven, CN.
- Elliot, M. A. & Baughan, C. J. 2004. Developing a self-report method for investigating adolescent road user behaviour,. Transportation Research Part F. 7(6), 373-393.
- Indeks Kematian Jalan Raya 2004 – 2014. 2015. Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia. [http://www.jkjr.gov.my/ms/maklumat\\_keselamatan/ststik-kmlgn-jln-rya/1858-indeks-kematian-jalan-ray-2004-2014.html](http://www.jkjr.gov.my/ms/maklumat_keselamatan/ststik-kmlgn-jln-rya/1858-indeks-kematian-jalan-ray-2004-2014.html)
- Ismail, M. 2011. Dangerous driving is rooted in UAE culture, poll suggests. The National. <http://www.thenational.ae/news/uae-news/dangerous-driving-is-rooted-in-uae-culture-poll-suggests>
- Jovanovic, D. Stanojevic, P. Stanojevic, D. 2011. Motives for, and Attitudes about, Driving-Related Anger and Aggressive Driving. Social Behavior and Personality.39(6),755-764.
- Miles, D.E. Johnson, G, L. 2003. Aggressive driving behaviors: are there psychological and attitudinal predictors? Transportation Research Part , 147- 161.
- Road Traffic Accidents. World Health Rankings. 2014. <http://www.worldlifeexpectancy.com/cause-of-death/road-traffic-accidents/by-country/>
- Murad, D. 2014. Malaysia has 17th most dangerous roads in the world, according to Michigan university research. The Star Online. <http://www.thestar.com.my/news/nation/2014/02/22/nations-with-deadliest-roads-malaysia-17th/>
- Nabipour, A. R. Khanjani, N. Nakhaee, N. Moradlou, H. Z. Sullman, M. J.M. 2015. The relationship between religion and the on-road behaviour of adolescents in Iran. Transportation Research Part F, 113-120
- Suliman, M. R. Awad, W. H. (n.d). Aggressive Driving is a Major Cause of Traffic Accidents and Road Rage in Jordan. Proceedings of the Social International Driving Simposium oh Human Factors in Driver Assessment, Training and Vehicle Design, 182-187.

Traffic attitudes and the careful way of Japanese Driving. Traffic Safe.  
<http://trafficsafe.org/index.php/traffic-attitudes-and-the-careful-way-of-japanese-driving-4923/>

Yildrim, Z. (2007). Religiousness, conservatism and their relationship with traffic behaviours (Master thesis). Middle East Technical University.

Correspondence author; \*Rozmi Ismail  
Nor Alya Atifah Binti Mohd.Yunus

Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan  
Email; \*[rozmi@ukm.edu.my](mailto:rozmi@ukm.edu.my)  
Email; tuffahi@yahoo.com